

Jawab tuduhan tanpa prasangka

KUALA LUMPUR - Naib Presiden PKR, Zuraida Kamaruddin dinasihatkan supaya memberi tumpuan untuk menjawab tuduhan yang diterima daripada lembaga disiplin parti tanpa sebarang prasangka.

Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail turut mencadangkan supaya Zuraida tidak membabitkan pihak lain dalam penjelasannya.

"Beliau tidak perlu ada sebarang prasangka lain seperti yang disebut. Tak perlu kata ada pengaruh sana, pengaruh sini.

"Langkah yang paling wajar adalah apabila telah ditetapkan masanya oleh jawatankuasa disiplin, beliau tampil memberi penjelasan. Itu lebih baik," kata-nya.



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu berkata demikian kepada media selepas melancarkan Sistem Pengurusan Penguatkuasaan Bersepadu dan lawatan sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baru Cina 2020 di NSK Trade City di sini semalam.

Zuraida diberi surat tunjuk sebab oleh lembaga disiplin parti pada 15 Januari lalu atas pertuduhan salah laku disiplin dan diberi tempoh 14 hari untuk mengemukakan jawapan.

Ditanya mengenai individu lain termasuk Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sama ada turut diberikan surat tunjuk sebab yang sama, Saifuddin berkata, beliau tidak mempunyai maklumat berhubung perkara tu.

Kelmarin, Zuraida mensesahkan menerima surat tunjuk sebab berkenaan.

Menurut Zuraida, beliau bersedia berdepan dengan lembaga disiplin parti, namun berharap tiada campur tangan daripada pimpinan parti.